

14/02/2002

Kuim tempatkan 3,000 pelajar menjelang 2004

KAMPUS tetap Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, yang dijangka siap pada 2004 mampu menempatkan 3,000 pelajar berbanding hanya 808 orang di kampus sementara di Ampang Jaya, Selangor.

Pada 2010 pula kampus yang dibina dengan anggaran kos RM600 juta itu, dijangka mampu menyediakan tempat kepada 10,000 pelajar dan dapat menangani masalah penginapan yang dihadapi sekarang.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu, Datuk Dr Yusof Noor berkata, majlis pecah tanah kampus baru berkenaan dijangka disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi.

Katanya, jawatankuasa petugas penubuhan kampus itu sudah dibentuk dan mereka yakin ia dapat disiapkan mengikut jadual iaitu menjelang 2004.

Beliau berkata, pemaju diamanahkan untuk membinanya ialah KLIA Consultant Services Sdn Bhd serta tumpuan awal pembinaan ialah bangunan utama membabitkan dewan kuliah dan pusat pentadbiran kerana kedua-duanya adalah keperluan yang amat penting.

"Kami mahu memastikan kampus baru berkenaan dapat disiapkan mengikut jadual kerana kampus sementara semakin sesak dan tidak dapat menampung pelajar yang ramai sedangkan semakin lama permohonan mengikuti pengajian di Kuim semakin meningkat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Ikrar dan Menandatangani Akujanji Pegawai IPTA itu di kampus sementara di Bilik Mesyuarat Tingkat 11 Menara A, Persiaran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ampang Jaya.

Hadir sama Rektor Kuim, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin dan Timbalan Rektor Akademik, Prof Datuk Dr Abdullah Muhammad Zin; dan Timbalan Rektor Pembangunan dan Hal Ehwal Akademik, Dr Mohammad Alias.

Pada majlis itu, semua 120 kakitangan kolej universiti itu yang terdiri daripada pegawai kanan, kakitangan akademik, kakitangan bukan akademik dan kakitangan sokongan melafaz ikrar dan menandatangani surat akujanji berkenaan.

Majlis itu adalah rentetan daripada keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Kuim 1/2002 pada 24 Januari lalu berhubung kelulusan bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil 17/2001 berkenaan penguatkuasaan akujanji untuk pegawai awam termasuk berkhidmat di badan berkanun.

Sementara itu, Kuim melantik bekas Prof Sekolah Ekonomi, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohammad (Alias) sebagai Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan Kuim.

Beliau memiliki pengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan ekonomi serta pernah memegang jawatan sebagai Dekan Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

(END)